



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)

Faks : 082-424489

E-mel : pmswk@treasury.gov.my

Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Ruj. Kami : PKP(S)124 – 1/6 JLD. 4(~~76~~)
Tarikh : 16 Januari 2015
25 Rabiulawal 1436H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak.

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN MENGENAI KONTRAK PUSAT BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DAGING AYAM (HALAL) KEPADA JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEKOLAH KATEGORI A & B), AGENSI DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK SECARA RUNDINGAN TERUS YANG AKAN TAMAT KONTRAK PADA 31 JANUARI 2015

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kontrak Pusat bagi Membekal dan Menghantar Daging Ayam (Halal) Kepada Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori A & B), Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan Di Negeri Sarawak Secara Rundingan Terus akan tamat pada 31 Januari 2015.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk **melaksanakan perolehan daging ayam (halal) berdasarkan tatacara perolehan serta peraturan kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa**. Pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk merujuk 1 Pekeliling Perbendaharaan – PK 2/2013 sebelum melaksanakan sebarang perolehan sementara pihak pejabat ini melaksanakan kontrak baru dalam masa terdekat.

SURAT EDARAN MENGENAI KONTRAK PUSAT BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DAGING AYAM (HALAL) KEPADA JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEKOLAH KATEGORI A & B), AGENSI DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK SECARA RUNDINGAN TERUS YANG AKAN TAMAT KONTRAK PADA 31 JANUARI 2015

4. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada semua Agensi dan Badan Berkanun di bawah seliaan Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan bagi tujuan perancangan perolehan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

“Sentiasa Mesra, Teliti dan Cepat”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATU JABIDAH BINTI MONSERI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. : Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Sarawak
Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang
Jalan Simpang Tiga
93594 Kuching